

CLASS-X
BAHASA MELAYU
SAMPLE QUESTION PAPER-2019



Markah: 80

Masa: 3 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi tiga bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, dan 5** yang mengandungi 15 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6, 7, 8, dan 9**. Kesemua soalan dalam bahagian ini adalah soalan KOMSAS. Anda diwajibkan untuk menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihatkan supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **13 halaman** bercetak sahaja.

Bahagian A
[15 Markah]

Soalan 1

- (i) **Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.**
(5 Markah)

Gambus merupakan alat muzik tradisional dari negara Timur Tengah yang kini sangat terkenal di Malaysia. Alunannya cukup mengasyikkan apabila mengiringi muzik tradisional yang lain seperti Zapin dan Ghazal serta mampu memukau sesiapa yang mendengarnya. Gambus atau dikenali sebagai Qanbus ini berasal dari Yemen yang mempunyai bentuk tirus, memanjang, serta lebih kecil jika dibandingkan dengan Oud. Oud turut dimainkan dalam muzik Ghazal mahupun Zapin, mempunyai saiz lebih pendek, mempunyai struktur seakan-akan buah pear serta mempunyai lubang padan badan yang besar seperti gitar.

Berbanding Oud, gambus menggunakan kulit binatang seperti kambing pada permukaannya. Bunyinya pula seakan-akan sama tetapi ciri kedua-dua alat muzik ini secara fizikalnya memang berbeza-beza. Keadaan ini menyebabkan alat muzik Oud sering dianggap gambus di sesetengah tempat. Selain Oud dan gambus, terdapat pelbagai lagi alat muzik bertali seperti ini digunakan di negara timur tengah seperti Buzok (Syria) Saz dan Cumbus (Turki), Lavta (Greece dan Turki), Setar (Iran), Barbat (Mesir) dan beberapa lagi alat muzik bertali yang dirujuk sebagai gambus.

Alat-alat muzik ini dipercayai telah dicipta, dimainkan sejak keturunan keempat Nabi Adam a.s. dan menjadi mitos popular yang diketahui secara meluas. Malah, jika kita perhatikan, terdapat ukiran figura orang sedang bermain gambus di dinding piramid semasa kerajaan Mesir kuno menjadi mercu tanda tamadun awal manusia. Mungkin alat muzik oud dan gambus tidaklah sama seperti sekarang tetapi sehingga kini ia menjadi salah satu identiti muzik dan peradaban masyarakat Arab di rantau timur tengah.

Jika amati semula tulisan ilmuwan Islam dalam konteks kesenian seperti Al-Kindi, tidak ada satu pun menyatakan perihal asal-usul kewujudan gambus. Asal-usul yang dianggap mitos popular cuma disampaikan melalui cerita lisan antara generasi sehinggalah rupa bentuk gambus dan oud itu kita boleh lihat seperti hari ini. Al-Kindi banyak menjelaskan tentang konteks bermain muzik menggunakan instrumen bertali yang dinamakan gambus. Beliau juga menyentuh tentang cara menulis nota muzik secara formal dan teknik menulis nota muzik ini kekal seperti hari ini.

Rahsia ini dibongkar oleh penulis, Chrysalis Forster yang mengarang buku Musical Mathematic. Chrysalis menyatakan etimologi muzik yang dikenali sebagai 'Musiqi' sebenarnya diperkenalkan oleh Al-Kindi dan bukannya daripada orang Greek. Menurut buku Warisan Seni dari Timur Tengah tulisan Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof, Oud (gambus) telah sampai ke Tanah Melayu sejak beberapa kurun yang lalu. Ia dipercayai telah dibawa oleh pedagang Arab semasa berdagang di Tanah Melayu sejak kurun ke 9.

Walaupun penerimaan budaya bermain Oud (Gambus) di Malaysia tidaklah begitu hebat seperti Indonesia, tetapi budaya bermain gambus mula mendapat sambutan orang Malaysia selepas pengaruh dan asimilasi antara rumpun masyarakat di Nusantara berlaku

sejak 100 tahun lalu. Pengetahuan tentang muzik oud dan gambus di Malaysia pula hanya terhad kepada dua genre muzik sahaja iaitu zapin dari Arab dan ghazal dari India.

Sejak seratus tahun dahulu, alat muzik ini diwariskan secara turun-temurun dan tidak ada pembelajaran formal mengenai instrumen ini. Gambus juga dilihat kurang mendapat perhatian seperti gitar kerana kurangnya pendedahan formal kepada masyarakat kerana gambus tidak dipersembahkan di peringkat majlis rasmi kerajaan. Irama dan instrumen gambus juga dibayangi oleh zapin dan ghazal, justeru ia hanya dianggap sebagai manifestasi yang diwarisi oleh orang Melayu.

(Sumber artikel: <http://www.sentiasapanas.com/2015/07/gambus-alat-muzik-warisan-mesir-purba.html#ixzz4hGFHx8wt>)

1. Alat muzik gambus berasal dari_____.
 - a. Yemen
 - b. Mesir
 - c. Syria
 - d. Turki
2. Gambus diperbuat daripada_____.
 - a. kulit unta
 - b. kulit lembu
 - c. kulit kijang
 - d. kulit kambing
3. _____ banyak menjelaskan konteks bermain muzik instrumen bertali seperti gambus serta menyentuh cara menulis nota muzik secara formal.
 - a. Al-Farabi
 - b. Al-Kindi
 - c. Al-Jabar
 - d. Al-Khawarizmi
4. Buku_____ karya Raja Zulkarnain Raja Mohd Yusof menyatakan gambus telah sampai ke Tanah Melayu melalui pedagang Arab sejak kurun ke-9.
 - a. Seni Warisan
 - b. Warisan Seni
 - c. Seni Gambus
 - d. Warisan Gambus
5. Permainan gambus tidak mendapat perhatian masyarakat kerana ...
 - a. permainan gambus sangat susah.
 - b. muzik ini tidak menepati aliran muzik terkini.
 - c. ketiadaan pakar untuk memperkenalkan muzik gambus.
 - d. kurangnya pendedahan secara formal kepada masyarakat.

- (ii) Baca artikel di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(5 Markah)

KUALA TERENGGANU, 15 Julai- Rumah Merah telah muncul johan keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati. Kejohanan tersebut yang julung kali diadakan itu berlangsung di padang sekolah berkenaan pada pagi semalam. Encik Mahmud bin Yusoff, guru besar sekolah itu telah merasmikan kejohanan sukan tersebut.

Dalam ucapan perasmianya, beliau telah menyatakan bahawa tujuan utama kejohanan itu adalah untuk memberi peluang kepada semua murid menunjukkan bakat mereka dalam bidang sukan. Selain itu, pihak sekolah juga berpeluang memilih wakil sekolah ke kejohanan sukan peringkat daerah.

Turut memeriahkan kejohanan sukan kali ini ialah Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan, Encik Ghazali bin Amin, ibu bapa, dan bekas murid sekolah berkenaan. Kejohanan ini telah disertai oleh murid dari Rumah Hijau, Rumah Kuning, Rumah, Merah, dan Rumah Biru.

Pelbagai acara diadakan sepanjang kejohanan ini berlangsung. Antara yang menjadi tumpuan ialah acara pecut 100 meter. Adik Danish bin Zain yang disebut-sebut bakal mengungguli acara berkenaan. Walau bagaimanapun, adik Danish gagal memenangi acara tersebut kerana telah mengalami kekejangan otot dan peluang ini telah digunakan sepenuhnya oleh peserta dari Rumah Hijau, iaitu adik Aiven Tay yang berada di tempat ketiga.

Pada akhir kejohanan tersebut, Rumah Hijau telah diisytiharkan menduduki tempat kedua, manakala tempat ketiga diraih oleh pasukan Rumah Biru. Guru Besar telah menyampaikan hadiah kepada para penenang.

1. Siapakah yang merasmikan kejohanan sukan tersebut?
 - a. Encik Mahmud bin Yusoff.
 - b. Encik Ghazali bin Amin.
 - c. Aivien Tay
 - d. Bekas murid Sekolah Kebangsaan Seri Melati.
2. Rumah manakah yang menjadi naib johan dalam kejohanan sukan tersebut?
 - a. Rumah Merah.
 - b. Rumah Biru.
 - c. Rumah Hijau.
 - d. Rumah Kuning.
3. Kejohanan sukan ini merupakan buat kali_____diadakan.
 - a. kedua
 - b. ketiga
 - c. pertama
 - d. keempat

4. Siapakah yang memenangi tempat pertama dalam acara 100 meter?
- Danish bin Zain.
 - Hassan bin Basri.
 - Ramesh
 - Aiven Tay.
5. Pernyataan di bawah adalah benar **KECUALI**
- Acara lari 100 meter ialah acara yang mendapat perhatian.
 - Peserta Rumah Hijau telah mencipta rekod baru dalam acara 100 meter.
 - Kejohanan Sukan Sekolah Seri Melati telah berlangsung pada 15 Julai.
 - Rumah Merah merupakan juara dalam Kejohanan Sukan Sekolah Kebangsaan Seri Melati.

(iii) Baca catatan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

8.00 pagi : Ketibaan para jemputan
8.30 pagi : *Dif-dif kehormat* mengambil tempat masing-masing di dalam Dewan Kampus Raja Melewar
8.45 pagi : ketibaan Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan
9.00 pagi : Nyanyian Lagu Negaraku
9.05 pagi : Bacaan Doa
9.30 pagi : Ucapan Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar
10.00 pagi : Ucapan Pengarah Persatuan Penerbit Buku Negeri Sembilan
10.30 pagi : Ucapan perasmian oleh Yang Berbahagia Dato' Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan
10.40 pagi : Pelancaran pameran
11.00 pagi : Melawat pameran
11.30 pagi : Jamuan ringan

1. Berpandukan atur cara di atas, pameran apakah yang diadakan?
- Pameran buku.
 - Pameran pendidikan.
 - Pameran Buku Malaysia.
 - Pameran penerbitan buku.
2. Siapakah yang merasmikan pameran tersebut?
- Peserta koir.
 - Dato' Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan.
 - Presiden Persatuan Penerbit Buku Negeri Sembilan.
 - Pengarah Institusi Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar.
3. Majlis ini mengambil masa selama ...
- 1 jam
 - 2 jam
 - 1 jam 30 minit
 - 2 jam 30 minit

4. Maksud frasa *dif-dif kehormat* dalam atur cara di atas membawa maksud ...
- para jemputan.
 - orang kenamaan.
 - pengerusi majlis.
 - kakitangan majlis.
5. Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang atur cara di atas.
- Majlis perasmian diadakan di Pusat Penerbitan buku.
 - Dato' Pengarah Pelajaran disambut dengan persembahan koir
 - Pengarah institusi berucap selepas ucapan Dato' Pengarah Pelajaran.
 - Selepas upacara perasmian, Dato' Pengarah Pelajaran melawat pameran.

Bahagian B
[25 Markah]

SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **tentang usaha melahirkan masyarakat berbudi bahasa**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan untuk menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(5 Markah)

Budi bahasa lazimnya merujuk kepada tutur kata, kelakuan, dan sopan santun yang meliputi akhlak mulia. Bagi menyuburkan amalan yang mulia ini, kerajaan telah melancarkan “Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni”. Kesedaran sivik masyarakat umum mestilah ditingkatkan oleh semua pihak demi melahirkan warganegara yang berhemah tinggi.

Sementara itu, amalan berterima kasih haruslah disuburkan semula. Alangkah eloknya tradisi masyarakat terdahulu ini diamalkan secara menyeluruh di mana-mana sahaja pada setiap masa. Dalam kehidupan bermasyarakat, sikap bantu-membantu dan saling bekerjasama tidak boleh diabaikan. Hal ini kerana amalan murni ini dapat menyemai perasaan hormat-menghormati dan merapatkan hubungan sesama ahli masyarakat. Berakhlak mulia dan budaya berbahasa yang sopan adalah antara amalan harian yang wajar kita lakukan bagi mengembalikan warisan silam ini.

Ibu bapa bertanggungjawab dalam membentuk sahsiah dan mendidik anak-anak agar membesar dengan akhlak terpuji. Manakala pada peringkat sekolah pula, para guru perlu mendidik murid-murid mereka supaya berbudi bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni. Malah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melakukan satu langkah drastik, iaitu memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Oleh sebab itu, amalan berbudi bahasa wajar kita laksanakan sama ada di sekolah mahupun di rumah. Amalan mulia ini perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat.


Nilai-nilai murni seperti berbudi bahasa merupakan satu daripada ukuran kemajuan bangsa dan negara. Budi bahasa dan amalan murni tidak dapat bercambah tanpa usaha untuk memupuknya. Kerajaan dan rakyat mesti berusaha bersama-sama bagi mewujudkan

masyarakat yang berhemah tinggi. Bagi tujuan tersebut, kita perlu saling mengingatkan agar amalan murni yang kian terhakis itu supaya menjadi amalan pada setiap waktu. Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni merupakan kemuncak langkah kerajaan untuk menerapkan amalan mulia ini dalam diri setiap warga Malaysia. Kempen ini diharap dapat memantapkan keperibadian, mempamerkan jati diri, dan imej rakyat Malaysia yang positif.

- (ii) Berdasarkan rajah di bawah, anda dikehendaki menulis tentang **langkah-langkah mengelak daripada berlakunya kemalangan**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

Peranan media massa
Kementerian Pengangkutan mencari alternatif
Peranan ibu bapa dan masyarakat
Kementerian Pelajaran Malaysia



- (iii) Anda dikehendaki memilih **salah satu** karangan di bawah. Panjang karang yang perlu ditulis hendaklah **tidak melebihi 250 patah perkataan**.

(10 Markah)

- a. Semangat kejiranan sangat penting dalam kehidupan kita. Anda dikehendaki membincangkan *kepentingan semangat kejiranan dalam kehidupan bermasyarakat* dalam era globalisasi.

atau

- b. Anda sebagai Setiausaha Sukan sekolah dikehendaki menulis sepucuk surat kepada pengetua sekolah bahawa Pasukan Ragbi sekolah anda memerlukan sebiji bola baharu bagi menggantikan bola lama yang telah rosak.

Bahagian C [15 Markah]

SOALAN 3

Susun semula frasa-frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

- i. Hutan paya gambut hutan di Malaysia yang kawasan yang tidak menarik.
sering dianggap sebagai ialah satu daripada ekosistem

- ii. Bahan mentah herba secara komersial. diperoleh secara semula jadi atau di tanam atau tumbuh-tumbuhan biasanya
-
-
- iii. Rakyat Malaysia telah digemparkan di kawasan Kuala Lumpur mendadak akibat jerebu. dengan berita Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang meningkat secara
-
-
- vi. Ibu bapa memainkan peranan di samping membentuk keperibadian penting dalam mewujudkan dan sahsiah anak-anak. kebahagiaan dalam keluarga
-
-
- v. Pemanasan global berpunca di dalam atmosfera bumi. meningkatkan jumlah gas karbon yang daripada pencemaran udara yang turut dikenali sebagai gas rumah hijau
-
-

SOALAN 4

Pilih jawapan yang tepat.

(5 Markah)

1. Pak Samad menjual _____ barangan termasuklah pakaian kanak-kanak.
- berbagai
 - pelbagai
 - bagai-bagai
 - pelbagai-bagai
2. Kanak-kanak yang berusia _____ itu memperoleh anugerah khas daripada panitia Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT).
- sepuluh setengah tahun
 - setengah sepuluh tahun
 - sepuluh tahun setengah
 - setengah tahun sepuluh
3. Asean _____ oleh Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei, Vietnam, Singapura, Laos, Myanmar, dan Kemboja.
- anggotai
 - dianggotai
 - menganggotai

- d. menganggotakan
4. Pak Daud berhasrat untuk _____ rumah pusaka peninggalan arwah ibunya di kampung.
- a. membesar
b. memperbesar
c. membesarkan
d. membesarkan lagi
5. Surat yang disampaikan oleh Mak Cik Rokian tadi _____ daripada kakak yang menetap di Jordan.
- a. ialah
b. adalah
c. kiriman
d. merupakan

SOALAN 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- a. Bagaimana acuan begitulah kuihnya
b. Bagai kaduk naik junjung
c. Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
d. Masuk bakul angkat sendiri
e. Berapa jauh terbang bangau akhirnya hinggap di belakang kerbau jua.

1. Ibu dan bapa Halimah seorang jurutera di syarikat terkemuka. Halimah juga berminat dan bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera. Situasi tersebut sesuai dengan peribahasa _____.
2. Mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan. Peribahasa ini mempunyai maksud yang sama dengan _____.
3. Rakyat asing mudah mendapat pekerjaan dan gaji yang lumayan di negara ini berbanding dengan keadaan negara asal mereka. Namun, setelah beberapa lama mereka tetap akan pulang ke negara mereka juga. Bak kata pepatah _____.
4. “Aku memang pandai melukis. Kalau kau nampak mural di sekolah, semua aku buat. Cantik, bukan?” kata Muthu. Sikap Muthu itu seperti _____.
5. Orang yang hina apabila mendapat keistimewaan (mendapat pangkat) akan menjadi mengada-ngada. Ini diumpamakan _____.

Bahagian D
[25 Markah]

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 6 (PUISI TRADISIONAL)

Berdasarkan syair di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

SYAIR BERBUAT JASA

Buatlah jasa wahai teruna,
Hidupmu biar memberi guna,
Kamu yang mati jasa tak fana,
Asalkan buahnya elok sempurna.

Hidup manusia jangan percuma,
Buatlah bakti budi utama,
Selagi baiknya kekal menjelma,
Si mati hidup selama-lama.

Jangan menilik balas dan puji,
Atau pahalanya dikaji-kaji,
Rasa demikian tamak dan keji,
Padalah baiknya tinting dan uji.

Pahala dan balas jangan dihitung,
Ataupun bintang di dada beruntung,
Asalkan jasamu padat berdentung,
Cukuplah di situ mulai tergantung.

Buatlah baik ayuhai rakan,
Ke dalam laut kamu campakkan,
Jikalau tidak dikenal ikan,
Tuhan tahu iakah bukan.

(Dipetik daripada *Antologi Harga Sebuah Lukisan*)

- i. Perkara utama yang ingin disampaikan oleh penyair, ialah ...
- A. kepentingan berbuat jasa.
 - B. memuliakan ilmu yang dipelajari.
 - C. hormat-menghormati akan sanak-saudara.
 - D. bersabar dengan apa yang telah ditakdirNya.

Hidup manusia jangan percuma,
 Buatlah bakti budi utama,
 Selagi baiknya kekal menjelma,
 Si mati hidup selama-lama.

- ii. Maksud rangkap dua syair di atas ...
- balasan akan diterima diakhirat.
 - penyair mengajak supaya menabur bakti.
 - apa yang dilakukan terserah kepada Tuhan.
 - perlu berbuat jasa dan apa yang dicurahkan akan menerima balasan diakhirat.
- iii. Apakah nilai murni yang terdapat dalam syair di atas ...
- kerajinan
 - kesabaran
 - keikhlasan
 - kematian
- iv. Berikut adalah pengajaran yang terdapat dalam syair di atas, **KECUALI**
- perjuangan amat penting dalam kehidupan.
 - ikhlas dalam melakukan sesuatu pekerjaan.
 - hendaklah mengenang jasa orang yang menabur bakti.
 - bijak menimbang perkara yang baik dan buruk sebelum ambil tindakan.
- v. Apakah persoalan yang terdapat dalam syair di atas?
- Gopoh-gapah.
 - Kecekanan dan kegigihan.
 - ikhlas dalam pengorbanan.
 - tidak hormat-menghormati

SOALAN 7 (PUI SI MODEN)

- i. Apakah tema sajak “*Rumput*”?
 (3 Markah)
- ii. Apakah persoalan dalam “*Rumput*”?
 (3 Markah)

iii. Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam “*Rumput*”?

a)

b)

(3 Markah)

SOALAN 8 (PROSA TRADISIONAL)

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Prosa tradisional ini mengisahkan Maharaja Indera Dewa yang marah apabila Maharaja Marakarma telah menyerang negeri baginda. Maharaja Indera Dewa menitahkan raja-raja supaya keluar berperang dengan Marakarma. Maharaja Marakarma dan Raja Mengindera Sari telah meminta keizinan ayahanda dan bonda mereka untuk keluar berperang. Kedua-dua belah pihak berperang dan bertarung mengikut status masing-masing. Ramai yang tewas dalam peperangan, mayat manusia bertimbun serta kepala hulubalang dan pahlawan berselerakan di tengah padang. Hanya Maharaja Indera Dewa sahaja yang terselamat.

Melihatkan keadaan itu, Maharaja Marakarma pun mengusir Maharaja Indera Dewa dari situ. Maharaja Indera Dewa pun bertanya kepada Maharaja Marakarma tentang asal usul baginda lalu menyuruh baginda pulang kerana kasihan akan Maharaja Marakarma serta ayahanda dan bonda baginda. Maharaja Marakarma tersenyum lalu menyatakan bahawa baginda dianggap sebagai anak yang malang dan tidak dibenarkan tinggal di dalam negeri Puspa Sari. Pada pendapat Maharaja Marakarma, tiada gunanya baginda hidup. Lebih baik baginda mangkat bersama-sama dengan Maharaja Indera Dewa. Maharaja Indera Dewa sangat marah apabila mendengar kata-kata Maharaja Marakarma lalu memanah ke arah Maharaja Marakarma tetapi tersasar. Setelah masing-masing menunjukkan kehebatan memanah, berlaku pula kejadian tikam-menikam. Tikaman Maharaja Marakarma terkena pada dada Maharaja Indera Dewa lalu tembus ke belakang. Baginda pun rebah tetapi sebelum mati, Maharaja Indera Dewa sempat berpesan kepada Maharaja Marakarma supaya menjaga anak baginda, Puteri Nila Cahaya.

Setelah mendengar berita kemangkatan ayahandanya di medan peperangan, Puteri Nila Cahaya terus menangis lantas berlari ke luar kota bersama-sama dengan bondanya untuk mencari mayat Maharaja Indera Dewa. Tuan Puteri Nila Cahaya mendapati ayahandanya tersandar pada bangkai gajah. Bondanya juga mangkat kerana terkena tikaman keris yang terletak di tangan Maharaja Indera Dewa. Tuan Puteri Nila Cahaya hendak menikam dirinya tetapi dapat diselamatkan oleh isteri-isteri hulubalang. Sebelum pulang ke negeri Puspa Sari, Maharaja Marakarma telah mengarahkan Raja Rum Syah Ke negeri Anta Beranta yang telah kematian maharajanya. Kemudiannya, Maharaja Marakarma dan Raja Mengindera Sari bertemu pula ayahanda mereka. Ayahanda mereka berasa sangat gembira kerana mereka telah menang dalam peperangan dan kemudiannya mereka pulang ke negeri Puspa Sari.

Setelah melihat saudaranya duduk bersama-sama dengan suaminya, Tuan Puteri Cahaya Khairani pun menemui mereka lalu menangis. Tuan Puteri Cahaya Khairani memberitahu

bahawa Raja Bujangga Indera kini sudah dewasa setelah sekian lama mereka tidak bertemu dan amat rindu akan adindanya itu. Raja Bujangga amat terkejut dan tercengang apabila mendengar kata-kata Tuan Puteri Cahaya Khairani. Setelah diamat-amati, ternyata Tuan Puteri Cahaya Khairani ialah kakandanya. Berita baik itu kemudiannya disampaikan kepada ayahanda dan bonda mereka yang kini tinggal di negeri Mercu Indera oleh seorang hulubalang. Maharaja Marakarma dan anak raja yang lain bercadang untuk mengahwinkan Raja Bujangga Indera dengan Tuan Puteri Nila Cahaya dan ingin ditabalkan menjadi raja di negeri Anta Beranta. Rombongan Maharaja Marakarma kemudian berangkat ke negeri Anta Beranta. Maharaja Marakarma menitahkan Perdana Menteri supaya membuat persiapan untuk meraikan perkahwinan Raja Bujangga Indera dengan Tuan Puteri Nila Cahaya lalu melantik Raja Bujangga Indera menjadi Maharaja Anta Beranta.

(Dipetik daripada Hikayat Marakarma,
Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP, 2011)

- i. Apakah tema hikayat di atas?
 - A. Cabaran.
 - B. Keberanian.
 - C. Kisah permaisuri raja.
 - D. Hubungan erat antara kerabat diraja.
- ii. Berikut adalah persoalan yang wujud dalam Hikayat Marakarma, **KECUALI**?
 - A. Tanggungjawab bapa.
 - B. Kebijaksanaan dalam tindakan.
 - C. Keberanian untuk menenpuh cabaran.
 - D. keikhlasan dalam kehidupan dan redha dengan dugaan.
- iii. Siapakah Maharaya Marakarma?
 - A. Sahabat Maharaja Indera Dewa.
 - B. Raja di negeri Pelanggam Cahaya.
 - C. Putera kepada Maharaja Indera Angkasa.
 - D. Adik kepada Tuan Puteri Cahaya Khairani.
- iv. Situasi “Maharaja Indera Dewa menitahkab raja untuk keluar berperang dengan Maharaja Marakarma” berlatarkan masa?
 - A. pagi.
 - B. petang.
 - C. malam.
 - D. tengah hari.
- v. Gaya bahasa yang digunakan dalam syair tersebut adalah, **KECUALI**?
 - A. Bahasa Istana.
 - B. Bahasa Arab.
 - C. Bahasa Sanskrit.
 - D. Bahasa Urdu.

SOALAN 9

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan, huraikan watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerpen "*Budi Semangkuk Daging*".

(6 Markah)

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

KERTAS SOALAN TAMAT